

LAPORAN TAHUNAN  
(Annual Reports)

15987



اينستيتوت تيكنولوگي مارل  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

LAPORAN  
TAHUNAN

89

# LAPORAN TAHUNAN 1989



اينستيتوت تيكنولوگي مارل  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Yang Berhormat Encik Anwar bin Ibrahim  
Menteri Pendidikan Malaysia  
Kementerian Pendidikan Malaysia  
Kuala Lumpur

Majlis Institut Teknologi MARA dengan  
hormatnya menyampaikan Laporan Tahunan ITM  
bagi tahun 1989 mengikut kehendak bahagian  
VI Seksyen 30(1) Akta Institut Teknologi MARA 1976  
(Akta 173) Undang-Undang Malaysia

  
DATO' (DR.) HJ. ANI BIN AROPE  
Pengerusi

# MAKLUMAT KORPORAT

## **Penubuhan**

Sejarah Institut Teknologi MARA bermula dengan penubuhan Dewan Latihan RIDA dalam tahun 1956 yang bertujuan untuk memberi latihan dan pendidikan dalam bidang perusahaan dan perniagaan untuk membolehkan anak-anak bumiputera dari luar bandar mencebur diri dalam bidang-bidang tersebut. Seramai 25 orang pelajar telah diterima untuk mengikuti pengajian London Chamber of Commerce (Peringkat Permulaan) dan dalam perusahaan membuat tali sabut.

Selaras dengan resolusi kongres Ekonomi Bumiputera yang telah diadakan dalam tahun 1965, peranan pusat pengajian ini telah diperluaskan dan namanya ditukar kepada Maktab MARA. Jumlah dan peringkat pengajian telah dipertingkatkan. Permintaan untuk jenis dan bidang latihan yang ditawarkan menekankan keupayaan fizikal maktab dan beberapa bangunan terpaksa disewa. Akhirnya, sebidang tanah seluas 300 ekar di Shah Alam telah diluluskan untuk pembinaan kampus tetap dan pada 14 Oktober 1967, upacara perletakan batu asas telah dilakukan oleh Allahyarham Tun Abdul Razak bin Hussein. Serentak dengan itu, Maktab MARA bertukar nama kepada Institut Teknologi MARA.

Pada peringkat permulaan Dewan Latihan RIDA telah ditadbirkan oleh Bahagian Latihan RIDA dan seterusnya Bahagian Latihan MARA apabila RIDA bertukar nama kepada MARA. Ini bermakna bahawa pusat pengajian ini turut diletakkan di bawah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar. Pada akhir tahun 1970 Institut Teknologi MARA telah diberi autonomi penuh dan ditadbirkan oleh Majlis Pentadbirannya sendiri. Dengan lulusnya Akta Institut Teknologi MARA pada bulan Jun 1976, ITM diletakkan terus di bawah Kementerian Pelajaran.

Perkembangan ITM sebagai pusat pengajian profesional dan separa profesional mencatatkan satu sejarah yang pesat dan cemerlang. Daripada cuma kursus perdagangan rendah dan vokasional pada permulaannya, ITM kini menawarkan hampir 100 kursus dalam berbagai bidang pengajian yang diletakkan di bawah 12 kajian, merangkumi bidang-bidang sains dan kejuruteraan, perniagaan dan pengurusan dan sains sosial dan kemanusiaan. Bermula dengan 25 orang pelajar, ITM kini mempunyai 23,165 pelajar yang ditempatkan di sepuluh buah kampus termasuk seramai 11,198 orang pelajar di kampus induk Shah Alam. Dari sebuah kampus di Petaling Jaya, ITM kini mempunyai kampus cawangan di Sabah, Sarawak, Perlis, Terengganu, Melaka, Johor, Pahang, Perak dan Kelantan.

# FALSAFAH

Konsep Penubuhan ITM telah diasaskan kepada empat keyakinan atau hakikat yang secara langsung merangkumi falsafah pendidikan di Institut ini. Kesimpulan falsafah ini ialah:

1. Bahawa setiap manusia mempunyai keupayaan semula jadi untuk belajar.
2. Bahawa pendidikan mempunyai hubungan yang rapat dengan kehendak dan keperluan masyarakat.
3. Bahawa pendidikan boleh memainkan peranan penting dalam mengubah status sosioekonomi masyarakat.
4. Bahawa sesuatu kejayaan hanya dapat dicapai kepada tahap yang paling tinggi melalui pendidikan.

# MATLAMAT


1. Mengadakan program pendidikan yang disesuaikan dengan keperluan tenaga manusia, terutama dalam bidang teknologi, perniagaan, pengurusan dan pentadbiran.
2. Menyediakan peluang pendidikan kepada belia-belia bumiputera terutama yang datang dari kawasan luar bandar supaya mereka dapat mengambil bahagian yang penting dan memainkan peranan yang berkesan dalam sektor-sektor perdagangan dan perindustrian.
3. Memastikan agar lulusan ITM mendapat pekerjaan dan memegang jawatan di dalam pelbagai bidang ekonomi negara agar mereka diberi pengiktirafan yang sewajarnya terutama daripada segi ganjaran, sejajar dengan kelulusan dan corak latihan yang diterima.
4. Menanam dan melahirkan sikap yang lebih positif dalam perwatakan belia-belia Bumiputera agar mereka lebih bersedia menghadapi persaingan dunia pekerjaan yang kian mencabar.
5. Menilai dan mengkaji program-program pendidikan ITM supaya kaedah pembelajaran di ITM dan kurikulumnya tetap utuh dan sesuai mengikut keperluan dan kehendak-kehendak semasa.
6. Menyediakan sumber tenaga manusia dan material bagi memenuhi keperluan-keperluan sektor-sektor awam, swasta dan masyarakat keseluruhannya.

# KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

Kuala Menggatal  
KOTA KINABALU  
(1973)



## AHLI-AHLI MAJLIS ITM 1988/1989



### DUDUK (KIRI KE KANAN)

Y. BHG. DATO' HJ. ABDUL LATIFF BIN SAHAN,  
TUAN HJ. ZAHANI BIN TAN SRI AHMAD,  
Y. BHG. DATO' HJ. (DR) ANI BIN AROPE,  
Y. BHG. DATO' DR. HJ. MOHD. MANSOR BIN HJ. SALLEH,  
Y. BHG. TAN SRI DATUK WIRA ABDUL RAHMAN BIN HJ. ARSHAD

### BERDIRI (KIRI KE KANAN)

PUAN NORAINI BINTI ABDUL RAHMAN, ENCIK BAHADON BIN ISMAIL,  
TUAN HJ. MOHD. RIDZUAN BIN ABDUL HALIM, ENCIK OTHMAN BIN MOHD. RIJAL,  
Y. BHG. DATO' IR. WAN ABDUL RAHMAN BIN YAACOB, PUAN NURAIZAH BINTI  
ABDUL HAMID

### TIADA DALAM GAMBAR

Y. BHG. DATUK HJ. SAFRI AWANG ZAIDELL, PUAN KHATIJAH BINTI AHMAD,  
ENCIK MOHD. IBRAHIM BIN MOHD. ZAIN



# AHLI-AHLI MAJLIS ITM

## **PENGERUSI**

1. Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Sallehuddin bin Mohamed  
PMN, PSM, SIMP, DIMP, JMN, KMN  
Ketua Setiausaha Negara  
(sehingga 14 Februari 1989)  
  
Yang Berbahagia Dato' (Dr) Hj. Ani bin Arope  
DPMJ, KMN, JMN  
Ketua Eksekutif  
Kumpulan Guthrie Sdn. Bhd.  
(mulai 15 Februari 1989)

## **TIMBALAN PENGERUSI**

2. Tuan Hj. Zahani bin Tan Sri Ahmad, AMN  
Pengerusi  
BEP Akitek Sdn. Bhd.

## **AHLI-AHLI**

### **PENGARAH**

3. Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh, DSDK

### **KETUA SETIAUSAHA PERBENDAHARAAN MALAYSIA**

4. Wakil : Encik Othman bin Mohd. Rijal  
Wakil Ganti : Puan Zaharah bt. Shaari

### **KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

5. Yang Berbahagia Dato' Hj. Abdul Latiff bin Sahan  
DSNS, JSM, KMN  
Wakil : Tuan Hj. Nik Musa bin Abdullah

### **KETUA PENGARAH PENDIDIKAN**

6. Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Haji Arshad  
PSM, DCSM, DSAP, DKSJ, JMN, JSM, BSK  
Wakil : Yang Berbahagia Dato' Asiah bt. Abu Samah

### **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**

7. Wakil : Puan Nuraizah bt. Abdul Hamid

### **PEGUAMCARA NEGARA**

8. Wakil : Puan Noraini bt. Abdul Rahman

## **KETUA PENGARAH MARA**

9. Tuan Hj. Mohd. Ridzuan bin Abdul Halim  
Wakil: Encik Abdul Karim bin Harun
10. Yang Berbahagia Datuk Hj. Safri Awang Zaidell  
PNBS, PPC, KMN  
Timbalan Setiausaha Kerajaan Sarawak
11. Yang Berbahagia Dato' Ir. Wan Abdul Rahman bin Yaacob  
DPMT, JSM, AMN  
Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya I
12. Puan Khatijah bt. Ahmad  
Pengerusi/Pengarah Urusan  
KAF Discounts Bhd.
13. Encik Mohd. Ibrahim bin Mohd. Zain  
Pengerusi Bank Rakyat

## **SETIAUSAHA**

Pendaftar  
Encik Bahadon Ismail

# **AHLI-AHLI JAWATANKUASA HAL EHWAL KAKITANGAN**

## **PENGERUSI**

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan  
Yang Berbahagia Dato' Hj. Abdul Latiff bin Sahan  
DSNS, JSM, KMN

## **AHLI-AHLI**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Wakil: Puan Nuraizah bt. Abdul Hamid

Pengarah ITM  
Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh  
DSDK

Ketua Setiausaha Perbentaharaan  
Wakil: Encik Othman bin Mohd. Rijal  
Wakil Ganti: Puan Zaharah bt. Shaari

Ketua Pengarah MARA  
Tuan Hj. Mohd. Ridzuan bin Abdul Halim

## **SETIAUSAHA**

Pendaftar  
Encik Bahadon bin Ismail

# **AHLI-AHLI JAWATANKUASA HAL EHWAL AKADEMIK**

## **PENGERUSI**

Ketua Pengarah Pendidikan  
Yang Berbahagia Tan Sri Datuk Wira Abdul Rahman Haji Arshad  
PSM, DCSM, DSAP, DKSJ, JMN, BSK.

## **AHLI-AHLI**

Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Wakil: Puan Nuraizah bt. Abdul Hamid

Pengarah ITM  
Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh  
DSDK

Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad, AMN

Encik Mohd. Ibrahim bin Mohd. Zain

## **SETIAUSAHA**

Penolong Pengarah (Akademik)  
Dr. Khalifah bin Othman

# **AHLI-AHLI JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN**

## **PENGERUSI**

Tuan Haji Zahani bin Tan Sri Ahmad, AMN

## **AHLI-AHLI**

Ketua Setiausaha Perbendaharaan  
Wakil: Encik Othman bin Mohd. Rijal  
Wakil Ganti: Puan Zaharah bt. Shaari

Ketua Setiausaha Kementerian Pendidikan  
Yang Berbahagia Dato' Hj. Abdul Latiff bin Sahan  
DSNS, JSM, KMN  
Wakil: Tuan Hj. Nik Musa bin Abdullah  
Wakil Ganti: Dr. Syed Muhamad bin Syed Abdul Kadir

Pengarah ITM  
Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh  
DSDK

## **SETIAUSAHA**

Bendahari  
Tuan Hj. Abdul Sofi bin Mohd. Noor

# **AHLI-AHLI JAWATANKUASA KHAS PUSAT PENDIDIKAN PERSEDIAAN**

## **PENGERUSI**

Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh  
DSDK

## **AHLI-AHLI**

Dr. Syed Muhamad bin Syed Abd. Kadir  
Wakil Ketua Setiausaha Kementerian  
Pendidikan Malaysia

Cik Rukiah bt. Sham  
Wakil Ketua Setiausaha Perbendaharaan

Encik Megat Mahyuddin bin Hassan  
Wakil Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

Yang Berbahagia Dato' Asiah bt. Abu Samah  
Wakil Ketua Pengarah Pendidikan

## **SETIAUSAHA**

Ketua Pusat Pendidikan Persediaan  
Tuan Hj. Razmi bin Chik

# **KETUA-KETUA BAHAGIAN**

## **PENGARAH**

Yang Berbahagia Dato' Dr. Haji Mohd. Mansor bin Haji Salleh, DSDK  
B.Sc (Wales) M.Sc. (Birmingham)  
Ph.D (Manchester) C. Eng. MIM,  
MICorrST

## **TIMBALAN PENGARAH (AKADEMIK DAN HAL EHWAL PELAJAR)**

Encik Mohd. Ali bin Hassan  
B.Sc. Hons (Tech. Maths) (Aston)  
M.Sc. (Ind. Maths & Stats) (Aston)  
M.A. (Actuarial Maths) (Michigan)

## **TIMBALAN PENGARAH (PENGURUSAN)**

Dr. Syed Abdul Kader bin Shaikh Al-Junid  
Dip. Kejuruteraan Elek. (Maktab Teknik)  
B.Sc. (Elect. Eng.)(Strathclyde)  
M.Sc. (Systems Eng.)(Surrey)  
Ph.D (Elect. Eng.) (Univ. of California Sta. Barbara)

## **PENDAFTAR**

Encik Bahadon bin Ismail  
ACSA (UK), BBA (Ohio), MA (Econs) (Ohio)

## **BENDAHARI**

Tuan Hj. Sofi bin Mohd. Noor  
AASA (Aust), MACPA, MIA, MCPA (Aust)

## **BAHAGIAN HAL EHWAL AKADEMIK**

Dr. Sulaiman bin Shamsuri  
Sijil Guru (Geografi)(MTC)  
B.A. (History)(UM)  
M.Sc. (Educ.) (Indiana)  
Ph.D (Educ.) (Indiana)

Dr. Wan Mohamad bin Hj. Wan Kadir  
B. Agr. Science (UM)  
M.Sc (Soil Sc.) (Belgium)  
Ph.D (Plant & Soil Science)(Tennessee)

Dr. Khalifah bin Othman  
Dip. in Business Studies (ITM)  
B.Sc. (Finance) (Northern Illinois)  
M.B.A (Northern Illinois)  
Ph.D (Marketing) (Stirling)

## **BAHAGIAN HAL EHWAL PELAJAR**

Encik Alias bin Ramli  
ICSA (UK), BBA (Ohio), MBA (Ohio)

Tuan Shaikh Ibrahim bin Shaikh Omar  
Diploma Ukur Tanah (UTM)  
B.Sc. (Land Surveying Science) (North East London Poly)  
M.Sc. (Land Surveying) (Queensland) (Aust.)

## **KETUA PUSTAKAWAN**

Datin Rugayah bt. Abdul Rashid  
ALA (UK), FLA (UK), MLS (Hawaii)

## **KETUA PEGAWAI PEMBANGUNAN DAN PENYELENGGARAAN**

Encik Tamzil bin Munir  
Dip. Quantity Surveying (Queensland Inst. of Tech.)  
(Aust.), AAIQS (Aust.)  
Cert. in Mgmt. for Tech. & Vocational Ed. (Huddersfield Poly.)



# KETUA-KETUA KAJIAN

## **KAJIAN KEJURUTERAAN**

Encik Ir. Haron bin Ismail  
B.Sc. (Civil)(Strathclyde)  
M.Sc. (Civil)(North Carolina State)

## **KAJIAN PENGURUSAN HOTEL DAN PENYEDIAAN MAKANAN**

Encik Wan Mahmud bin Wan Ahmad  
B.Sc. (International Hotel & Motel Mgmt.) (Florida)  
M.A. (Tourism Planning & Admin.) (George Washington)

## **KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG**

Encik Khalid bin Yusuff  
LL.B. (London)  
Bar at Law (Lincoln's Inn)  
MA. Bus. Law (London)

## **KAJIAN PERAKAUNAN**

Encik Mustapha Md. Yassin  
DBS (ITM), BBA (Ohio), MBA (UKM)

## **KAJIAN SAINS GUNAAN**

Tuan Hj. Abdul Razak Baba  
DPIM (ITM), M.Sc. Agric. (Bogor)  
(Sehingga 31 Ogos 1989)

Tuan Haji Ashari bin Abdul Jalil  
Bachelor Forestry Science (Canterbury)  
M.Sc. (Wood & Paper Sc.) (North Carolina State)

## **KAJIAN SAINS KESETIAUSAHAAN**

Puan Haslina bt. Ahmad  
Dip. Steno. (ITM)  
B.Sc. Bus. Ed. (Central Michigan)  
Masters in Bus. Edu (Central Michigan)

## **KAJIAN SAINS MATEMATIK DAN KOMPUTER**

Encik Shafie bin Mehat  
MBA (Leuven)

## **KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN DAN MAKLUMAT**

Puan Norma bt. Abu Seman  
Dip. Lib. Science (ITM)  
M.Sc. in Librarianship (Western Michigan Univ.)

## **KAJIAN SEBARAN AM**

Tuan Hj. Illias bin Zaidi  
BA (Hons) (Malaya)

## **KAJIAN SENIBINA PERANCANGAN DAN UKUR**

Encik Mohamad bin Awang  
Diploma in Art Design (ITM)  
M. In Industrial Design (Syracuse)

## **KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA**

Y.M. Raja Zahabuddin Raja Yaacob  
Dip. Art & Design (ITM)  
BA (Hons) Graphic Design (Central School London)  
MFA (Graphics Design) (Calif. Ins. of Arts)

## **KAJIAN LUAR KAMPUS**

Encik Mohd. Kamal bin Abdul Rahman  
DBS (ITM), BBA (Ohio), MBA (Ohio)

# KETUA-KETUA PUSAT

## **PUSAT SUMBER PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Dr. Mohamad Thalha Hj. Alithamby  
Teacher's Cert. (MTC, Kirkby, UK)  
B.A. Hons. (Geog.) UM. B. Ed. (UM)  
M.A. (Town & Country Planning) (Sydney)  
Ph.D. (Urban & Regional Planning) (Wisconsin)  
(Sehingga 1 Januari 1989)

Dr. Zulaiha bt. Mohamed Ismail  
Diploma in Education (Singapore)  
B.A. (Political Sc. & History) (Singapore)  
M.A. (Human Resource Develop.) (East Carolina)  
M.A. (Education & Psychology) (East Carolina)  
Ph.D (Human Resource Develop.) (Washington)

## **PUSAT PENDIDIKAN ISLAM**

Ustaz Mujaini bin Tarimin  
Diploma in Education (Arabic) (Ain Sham) (Mesir)  
B.A. (Hons) (Syariah) (Al-Azhar) (Mesir)  
Sarjana Sastera (UM)

## **PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)**

Encik Ismail bin Abd. Wahab  
Diploma in Accountancy (ITM)  
B.Sc. (Business Admin.) (Indiana)  
MBA (Finance) (Central Michigan)

## **PUSAT BAHASA**

Tuan Hj. Rafa'i bin Hj. Harun  
Sijil Perguruan (MPIK), Sijil Perguruan (Inst. Bahasa)  
B.A. (UM), M.Ed. (UM)

## **PUSAT PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN**

Ir. Dr. Wan Mahmood Wan Abdul Majid  
Adv. Dip. In Civil Eng. (ITM)  
M.Sc (Eng.) (Univ. of Surrey U.K)  
Ph.D (Civil Eng.) (The City Univ. UK)

## **UNIT PERANCANGAN DAN PENILAIAN**

Tuan Haji Mohd. Zain bin Haji Omar  
B.Sc (Hons) (Zoology) (UM)  
M.Ed. (Educ. Admin) (Ohio)

# **PENGETUA-PENGETUA KAMPUS**

## **ITM CAWANGAN SABAH**

Encik Wan Abaid Wan Ismail  
DPA (ITM)  
B.A. Bus. (Monmouth College)  
MBA (Mgmt.) (Marshall)  
(Mulai 1 Februari 1988 - Disember 1990)

## **ITM CAWANGAN SARAWAK**

Dr. Ibrahim bin Abu Shah  
Diploma in Public Admin. (ITM)  
B.A. (Econs) (Ohio)  
M.A. (Sociology) (Ohio)  
Ph.D (Government & Politics) (Maryland)

## **ITM CAWANGAN PERLIS**

Encik Zulkifli bin Haji Abidin  
DPA (ITM)  
B.Sc. Pol. Sc. (Indiana)  
M.A. (Wisconsin)

## **ITM Cawangan Terengganu**

Tuan Hj. Mansor bin Hj. Ali  
Diploma Export Promotion (W. Germany)  
B.A. (Puerto Rico)  
M.B.A (Marketing) (Puerto Rico)

## **ITM CAWANGAN JOHOR**

Encik Aminuddin bin Hj. Mohamad  
B.Sc. (Mathematics) (Auckland)  
Member of Inst. Statisticians (UK)  
Fellow of Royal Stat. Society (UK)  
M.Sc. (Indus. Maths & Statistics) (Aston)

## **ITM CAWANGAN MELAKA**

Encik Arshad bin Hashim  
DPIM (ITM)  
Sarjana Pertanian (Indonesia)  
M.Sc. (Agric. Dev.) (Belgium)

### **ITM CAWANGAN PAHANG**

Dr. Abdul Aziz bin Hj. Awang  
DVM (Pakistan)  
M.Sc. (California)

### **ITM CAWANGAN PERAK**

Tuan Syed Ziad bin Syed Nordin Wafa  
B. of Arch. (Queensland)  
B.Sc. Arch. (Sydney)

### **ITM CAWANGAN KELANTAN**

Encik Abdullah Sudin bin Abdul Rahman  
B. Econs. (Hons) (UM), MBA (UKM)

### **JURUAUDIT**

Pejabat Ketua Audit Negara  
Bahagian Perusahawan Awam Persekutuan  
Tingkat 12  
Bangunan KUWASA  
Jalan Raja Laut  
50518 KUALA LUMPUR

Pejabat Ketua Audit Negara  
Jalan Tugu  
50518 KUALA LUMPUR

# KANDUNGAN

## Perkara

## Muka Surat

MAKLUMAT KORPORAT	
FALSAFAH DAN MATLAMAT	
PETA KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN ITM	
GAMBAR AHLI-AHLI MAJLIS	
AHLI-AHLI MAJLIS ITM	
AHLI-AHLI JAWATANKUASA HAL EHWAL KAKITANGAN	
AHLI-AHLI JAWATANKUASA HAL EHWAL AKADEMIK	
AHLI-AHLI JAWATANKUASA KEWANGAN DAN PEMBANGUNAN	
AHLI-AHLI JAWATANKUASA KHAS PUSAT PENDIDIKAN PERSEDIAAN	
KETUA-KETUA BAHAGIAN	
KETUA-KETUA KAJIAN	
KETUA-KETUA PUSAT	
PENGETUA-PENGETUA KAMPUS	
LAPORAN PENGARAH	

Pendahuluan	1
Majlis	1
Program Akademik	1-2
Pelajar	2-6
- Pengambilan	
- Enrolmen	
- Lulusan	
- Peperiksaan	
- Ko-Kurikulum	
- Aktiviti Lain	
Kakitangan	6-7
- Bilangan	
- Latihan dan Biasiswa	
- Peperiksaan Jabatan	
- Kenaikan Pangkat	
- Perletakan Jawatan	
Penyelidikan dan Perundingan	7
Perpustakaan Tun Abdul Razak	7
Kampus Cawangan	7
Pembangunan Fizikal	8
Prospek dan Rancangan Masa Hadapan	9

## LAPORAN KAJIAN, PUSAT-PUSAT AKADEMIK DAN KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN

Kajian Perakaunan	11
Kajian Senilukis dan Senireka	12-15
Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang	16-17
Kajian Senibina Perancangan dan Ukur	18-21
Kajian Sains Gunaan	22-23
Kajian Perniagaan dan Pengurusan	24-27
Kajian Sains Matematik dan Komputer	28-30
Kajian Kejuruteraan	31-39
Kajian Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan	40-41
Kajian Sains Perpustakaan dan Maklumat	42-43
Kajian Sebaran Am	44-45
Kajian Sains Kesetiausahaan	46
Kajian Luar Kampus	47
Pusat Pendidikan Islam	47-48
Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)	49-51
Pusat Bahasa	52-54
Biro Penyediaan Teks (BIROTEKS)	55-56
ITM Cawangan Perlis	57-58
ITM Cawangan Sabah	58
ITM Cawangan Sarawak	59-61
ITM Cawangan Terengganu	62
ITM Cawangan Johor	63
ITM Cawangan Melaka	64-65
ITM Cawangan Perak	66-67
ITM Cawangan Pahang	68-69
ITM Cawangan Kelantan	69-72

## PENYATA KEWANGAN

Kunci Kira-Kira Disatukan Pada 31 Disember 1989	73
Akaun Pendapatan Dan Perbelanjaan Disatukan Bagi Tahun Berakhir 31 Disember 1989	74
Nota-Nota Kepada Akaun Disatukan 1989	74-82

# **LAPORAN PENGARAH**



# LAPORAN PENGARAH

## PENDAHULUAN

Dalam usaha meningkatkan tahap pencapaian ITM sebagai institusi pengajian tinggi yang terbesar di negara ini beberapa langkah telah dan sedang diambil ke arah pencapaian misi dan matlamat yang diilhamkan oleh pengasasnya beberapa dekad yang lalu. Namun demikian perancangan strategik ke arah pencapaian matlamat yang dicita-citakan semakin sukar dengan saingan dari universiti tempatan yang telah berubah dari pendekatan teori kepada bidang yang lebih profesional. Di samping itu ITM sering berhadapan dengan persimpangan ke arah mana yang lebih diutamakan; di antara memenuhi permintaan sosial, kehendak negara atau mengekalkan status quonya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi.

ITM masih bergantung kepada 90% sumber kewangan kerajaan bagi mengerakkan jenteranya. Pada tahun 1989 ITM telah memperolehi sebanyak \$185 juta bagi peruntukan belanja mengurusnya. Jumlah ini merupakan 86% dari peruntukan yang dipohon dan 25.87% dari jumlah peruntukan yang diberi kepada Institusi Pengajian Tinggi yang lain.

Kekurangan peruntukan bukanlah batu penghalang kepada perkembangan institut walaupun sedikit sebanyak boleh menjejaskan keberkesanan pengurusan institut. Prestasi yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 1989 adalah bukti kepada perkembangan institut.

## MAJLIS

Majlis ITM dianggotai 13 ahli telah bermesyuarat sebanyak 9 kali sepanjang tahun 1989. Ahli-ahli Majlis telah memberikan banyak pandangan yang membina ke arah kemajuan dan peningkatan kecemerlangan institut.

ITM mengalu-alukan perlantikan Y.Bhg. Dato' Haji (Dr.) Ani bin Arope sebagai Pengerusi Majlis ITM mulai 15 Februari 1989. Beliau menggantikan Y. Bhg. Tan Sri Dato' Sallehuddin bin Mohamed yang telah tamat tempohnya. Majlis ITM dan institut juga mengalu-alukan perlantikan Puan Nuraizah binti Abdul Hamid, wakil Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Encik Othman bin Mohd. Rijal, Pengarah Bahagian Belanjawan yang mewakili Ketua Setiausaha Perbendaharaan Malaysia.


Majlis ITM juga merakamkan penghargaan dan setinggi-tinggi terima kasih kepada Y.Bhg. Tan Sri Dato' Sallehuddin bin Mohamed, Ketua Setiausaha Negara, Tuan Haji Hisham bin Alwee, wakil Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Encik Abdul Karim bin Harun, Wakil Ketua Pengarah MARA di atas segala sumbangan dan jasa bakti semasa menjadi Pengerusi dan anggota Majlis ITM.

## PROGRAM AKADEMIK

ITM menawarkan sejumlah 92 kursus melalui 12 kajian yang berpusat di kampus ITM Shah Alam. Kajian ini dibantu oleh tiga pusat pengajian sokongan iaitu Pusat Bahasa, Pusat Pendidikan Islam dan Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC)

Kursus-kursus yang ditawarkan membabitkan 1 di peringkat Sarjana, 2 di peringkat Diploma Lepas Ijazah, 19 Diploma Setaraf Ijazah, 16 Diploma Lanjutan, 8 Kursus Luaran, 37 Diploma dan 7 Sijil.

**CARTA 1 KURSUS YANG DITAWARKAN  
MENGIKUT PERINGKAT**



Sepanjang tahun 1989 Institut menumpukan perhatian kepada penyusunan semula semua kurikulum pengajian di ITM selaras dengan hasrat mempertingkatkan kecemerlangan dengan menubuhkan Jawatankuasa Kurikulum ITM

Kursus Advanced Diploma in Accountancy secara separuh masa (luar kampus) mula diperkenalkan sesuai dengan hasrat untuk mempertingkatkan jumlah akauntan Bumiputera yang masih jauh ketinggalan daripada yang dihasratkan dalam Dasar Ekonomi Baru.

Usaha juga sedang dibuat memulakan Program Pendidikan Jarak Jauh seperti yang sedang dilaksanakan di ITM Cawangan Sarawak bagi menggantikan beberapa kursus tertentu yang pada masa ini ditawarkan secara separuh masa melalui Program Kajian Luar Kampus.

**PELAJAR**


Pada tahun 1989 seramai 9,742 orang pelajar telah mendaftar bagi mengikuti 92 kursus-kursus yang ditawarkan di ITM. Jumlah ini merupakan 86% daripada bilangan yang dirancang.

**Pengambilan**

ITM masih lagi berhadapan dengan masalah untuk mendapatkan calon-calon yang berkelayakan bagi mengikuti kursus-kursus yang ditawarkan dan bilangan mengikut jantina sebagaimana yang ditetapkan. Di samping itu terdapat pelajar-pelajar baru yang sudah mendaftar menamatkan pengajian mereka kerana berpeluang melanjutkan pelajaran di universiti di dalam ataupun di luar negara. Kesulitan bagi mendapatkan calon yang berkelayakan sangat ketara bagi kampus ITM di negeri Sabah dan Sarawak.

Pengambilan pelajar mengikut Kampus adalah seperti jadual berikut:

**CARTA 2 PENGAMBILAN PELAJAR 1989  
MENGIKUT KAMPUS**




- PETUNJUK**
1. SHAHALAM
  2. PULAU PINANG
  3. TERENGGANU
  4. SABAH
  5. SARAWAK
  6. JOHOR
  7. MELAKA
  8. PAHANG
  9. PERAK
  10. KELANTAN
- Lelaki  
 Perempuan

## Enrolmen

Prestasi enrolmen pelajar bagi tahun 1989 tidak begitu menggalakkan. Kekurangan tempat penginapan dan langkah untuk mempertingkatkan kemudahan tempat penginapan adalah merupakan rintangan ke arah pencapaian matlamat. Namun demikian pencapaian sebanyak 78% dari perancangan enrolmen pelajar yang ditetapkan dalam Rancangan Malaysia Kelima bolehlah dianggap membanggakan.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima juga ITM telah merancang bahawa pada akhir tahun pelaksanaan rancangan tersebut, 15% dari pelajarnya mestilah di peringkat lebih tinggi dari diploma. ITM telah membuktikan bahawa pada tahun 1989 matlamat tersebut telah dapat dicapai di mana 15% daripada enrolmennya terdiri daripada pelajar-pelajar di peringkat sarjana, diploma lanjutan, ijazah dan yang setaraf dengannya, manakala 85% adalah terdiri daripada pelajar-pelajar diploma, sijil dan pra diploma.

Pada bulan September 1989 enrolmen ITM telah meningkat kepada 23,165 berbanding 22,019 orang pada September 1988. Pecahan enrolmen mengikut kampus adalah seperti berikut:-



## Lulusan

Pada tahun 1989, bagi setiap 100 orang lulusan ITM 86 orang adalah terdiri daripada pemegang diploma dan sijil dan 14 orang adalah pemegang sarjana, diploma lanjutan dan ijazah yang setaraf dengannya.

Seperti tahun 1988, ITM telah mengadakan konvoquesyennya sebanyak 2 kali iaitu pada bulan April dan Oktober. Jumlah lulusan yang dikeluarkan oleh ITM pada dua konvoquesyen tersebut ialah seramai 4,137 orang.

## Peperiksaan

ITM telah mengadakan peperiksaan sebanyak 2 kali iaitu pada bulan Mei 1989 dan November 1989.

### Keputusan Peperiksaan Mei 1989

Pada bulan Mei 1989 dari jumlah 19,196 orang yang menduduki peperiksaan, 83% telah lulus manakala 4% telah gagal dan diarah untuk berhenti.

Peratus terbesar pelajar yang diarah berhenti ialah dari Kajian Sains Kesetiausahaan (12%), Kajian Kejuruteraan 5% dan Kajian Perakaunan 5%.


Dari jumlah 3,927 orang pelajar separuh masa yang mengambil peperiksaan, 74% telah lulus manakala 7% telah diarah berhenti. Peratus selebihnya adalah terdiri daripada mereka yang mendapat Perhatian dan diberi Amaran.

### Keputusan Peperiksaan November 1989

Seramai 18,254 orang pelajar telah menduduki peperiksaan November 1989. Jumlah ini merupakan 95% dari mereka yang menduduki peperiksaan pada bulan Mei 1989.


Keputusan peperiksaan pelajar sepenuh masa bagi bulan November 1989 menunjukkan pencapaian yang memuaskan. Daripada 18,254 orang yang menduduki peperiksaan, 86% telah lulus manakala 5% telah gagal dan diarah berhenti. Peratus selebihnya adalah terdiri dari mereka yang di beri amaran dan mendapat perhatian.

CARTA 4 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
NOV. 1989 PELAJAR SEPENUH MASA



Keputusan peperiksaan pelajar luar kampus masih tidak begitu memuaskan. Dari sejumlah 2,872 orang pelajar yang menduduki peperiksaan November 1989, hanya 77% sahaja yang lulus manakala 8% telah gagal dan diarah berhenti.

**CARTA 5 KEPUTUSAN PEPERIKSAAN  
NOV. 1989 KAJIAN LUAR KAMPUS**



### **Kokurikulum**

Pelajar adalah keluaran utama institut. Di samping program-program kurikulum yang diperkenalkan untuk tujuan peningkatan pengetahuan, kemahiran dan pembentukan peribadi, aktiviti-aktiviti kokurikulum, ekstra kurikulum dan aktiviti lain yang bersangkutan turut diberi galakan supaya dapat membantu ke arah pencapaian matlamat pendidikan institut.

Tujuan kokurikulum diadakan ialah untuk membantu pembentukan sahsiah dan keperibadian pelajar di samping melatih kepimpinan di kalangan pelajar dan menanamkan sikap ingin bersaing. Kokurikulum juga cuba memperkembangkan minat dan kecenderungan semulajadi pelajar.

Sehingga tahun 1989 terdapat sebanyak 9 jenis aktiviti kokurikulum. Program yang ditawarkan ialah:-

- a. Kesatria
- b. Kembara Usahawan (KEMUSA)
- c. Kebudayaan
- d. Pasukan Latihan Pegawai Simpanan (PALAPES)
- e. Persatuan Bulan Sabit Merah
- f. Sukan
- g. Amalan Agama dan Sosial Dalam Islam (ADASI)
- h. Kaunseling Sebaya
- i. Pidato Umum

Jumlah pelajar yang mengikuti kokurikulum pada tahun 1989 ialah seramai 4,265 iaitu 38% dari jumlah keseluruhan pelajar.

## **Aktiviti Lain**

Aktiviti lain yang diselenggarakan oleh ITM ialah aktiviti yang dikelolakan oleh Kolej kediaman/asrama, Unit Agama, aktiviti Kajian, Unit Kerjaya dan Kaunseling, Unit Pergigian, Unit Perubatan dan Persatuan Pelajar.

## **KAKITANGAN**

Terdapat seramai 5,468 orang kakitangan ITM. Pada 31 Disember 1989 bilangan ini merupakan 93% daripada jumlah jawatan yang diperuntukan oleh institut. Secara perbandingan bilangan ini adalah 6% lebih berbanding daripada jumlah di tahun 1988.

### **Latihan dan Biasiswa**

Sebanyak 94 Biasiswa kakitangan dan 84 Biasiswa Tenaga Pengajar Muda (TPM) telah ditawarkan dalam tahun 1989. Seramai 72 orang kakitangan dan 47 orang TPM telah memulakan pengajian. Bilangan ini adalah meliputi kakitangan dan juga TPM yang telah ditawarkan biasiswa dalam tahun 1988.

Seramai 58 orang kakitangan telah kembali berkhidmat dan 71 orang TPM telah melaporkan diri. Walau bagaimanapun empat daripadanya telah dilepaskan dari perjanjian untuk berkhidmat dengan ITM atas sebab-sebab tertentu. Bilangan kakitangan TPM yang masih dalam pengajian pada tahun 1989 ialah seramai 273 orang.

### **Peperiksaan Jabatan**

Dalam tahun 1989 Bahagian Latihan dan Biasiswa telah mengendalikan beberapa jenis peperiksaan yang melibatkan 873 orang kakitangan dari Kumpulan B, C dan D.

Seramai 762 orang daripadanya adalah merupakan kakitangan dari Kumpulan C dan D yang terlibat di dalam peperiksaan jabatan. Dari jumlah tersebut seramai 251 orang telah lulus. Peperiksaan ini diadakan dua kali setahun iaitu pada bulan Jun dan bulan Disember.

Bagi Peperiksaan Khas Kenaikan Pangkat Secara Lantikan seramai 51 orang kakitangan telah mengambil peperiksaan dan dari jumlah ini 5 daripadanya telah lulus.

Bagi ujian kecekapan pula seramai 42 orang kakitangan telah terlibat dan 5 daripadanya telah lulus.

Bahagian ini juga telah mengendalikan Ujian Kemahiran bagi membolehkan kakitangan yang layak menduduki Ujian Bakat anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam. Seramai 18 orang kakitangan dari Kumpulan B dan C telah menduduki ujian peperiksaan tersebut dan seramai 2 orang daripadanya telah lulus.

### **Kenaikan Pangkat**

Sepanjang tahun 1989 seramai 25 orang kakitangan telah dinaikkan pangkat yang terdiri 3 orang kakitangan kumpulan A, 5 orang kakitangan kumpulan B, 2 orang kakitangan kumpulan C dan 15 orang kakitangan kumpulan D. Kesemuanya adalah kakitangan bukan akademik.

## **Perletakan Jawatan**

Seramai 112 orang kakitangan telah meninggalkan perkhidmatan di ITM sepanjang tahun 1989. Seramai 63 orang kakitangan akademik dan 33 orang kakitangan bukan akademik yang telah berhenti kerana berkhidmat di tempat lain, kakitangan yang bersara seramai 13 orang dan yang meninggal dunia dalam perkhidmatan seramai 3 orang.

## **PENYELIDIKAN DAN PERUNDINGAN**

Aktiviti penyelidikan di ITM baru saja bermula pada tahun 1984, oleh itu penglibatan kakitangan akademik dalam aktiviti ini hanyalah 5% sahaja, suatu kadar yang belum boleh dibandingkan. Sehingga kini 18 projek penyelidikan telah diselesaikan.

Bagi aktiviti perundingan pula 35 daripada 56 projek yang membabitkan kerja-kerja perundingan dengan agensi-agensi kerajaan dan swasta telah selesai.

ITM akan terus berusaha mempertingkatkan budaya penyelidikan dan perundingan ke arah mempertingkatkan mutu pengajaran dan pembelajaran di Institut di samping memberi sumbangan kepada pembangunan negara.

## **PERPUSTAKAAN TUN ABDUL RAZAK**

Perkhidmatan perpustakaan di ITM meliputi perkhidmatan di seluruh kampus ITM di Shah Alam dan setiap kampus cawangan. Perkhidmatan terhad juga diberi kepada beberapa Kajian.

Jumlah pinjaman bahan yang dibuat sehingga bulan Oktober 1989 ialah sebanyak 195,040. Sejumlah 6,406 bahan telah dijilid dalam jangka masa yang sama.

Jumlah kedatangan pembaca sehingga Oktober 1989 ialah 702,871. Bahagian Rujukan dan Perkhidmatan Pembaca telah memberi perkhidmatan kepada 16,163 orang pada tahun 1989.

Kerja-kerja penyalinan keratan akhbar kepada bentuk mikrofis yang dimulakan pada tahun 1989 telah menghasilkan 8,852 salinan. Jumlah koleksi di Unit bahan Mikro sehingga 1989 ialah 2,514 keping mikrofis, 2,367 gulung mikrofilem dan 4,263 slaid.

## **KAMPUS (CAWANGAN)**

Sehingga tahun 1989, ITM mempunyai sembilan kampus cawangan di seluruh negara kecuali di negeri Kedah, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

Daripada jumlah di atas, empat daripadanya berstatus kampus tetap, selebihnya masih bersifat sementara yang beroperasi menggunakan bangunan yang disewa daripada agensi-agensi kerajaan dan swasta.

Kampus cawangan ITM menawarkan kursus-kursus tertentu sepertimana ditawarkan di kampus Shah Alam. Di samping itu kampus Cawangan juga menawarkan kursus-kursus yang tidak dikendalikan di kampus Shah Alam seperti kursus Diploma in Planting Industry and Management, Pre-Diploma in Engineering, Pre-Diploma in Science dan Pre-Diploma in Commerce di kampus Cawangan Perlis dan Pahang.

## **Pembangunan Fizikal**

Pembangunan dan penyelenggaraan fizikal sesebuah kampus ITM adalah di selaraskan oleh kampus ITM di Shah Alam.

Sehingga kini beberapa projek-projek tertentu seperti pengubahsuaian dan pembaikan dalaman, pengecatan, pembersihan dan penyelenggaraan diletakkan di bawah Unit Penswastaan, Seksyen Awam manakala kerja-kerja pengindahan dan penyelenggaraan kawasan serta pembaikan kecil segera secara dalaman dilakukan oleh kakitangan bahagian ini.

Pada tahun 1989 ITM telah meneruskan projek pembinaan kampus Cawangan ITM yang telah dimulakan pada tahun-tahun sebelumnya. Kampus ITM Cawangan Johor telah siap digunakan pada akhir tahun 1989. Namun demikian projek pembinaan kampus ITM di Jengka yang dijadualkan siap pada 3 Oktober 1989 telah terbengkalai pada 16 Oktober 1989 dengan kemajuan pencapaian pembangunan sebanyak 64.5% sahaja.

Pada tahun 1989 ini juga, kerja-kerja pembinaan bangunan tambahan bagi kampus ITM Cawangan Terengganu dan Perlis yang dimulakan pada tahun 1987 yang dijadualkan siap pada tahun 1988 masih lagi diteruskan berpunca daripada ketidakupayaan dan masalah yang dihadapi oleh kedua-dua kontraktor terbabit.

Kampus ITM Cawangan Sarawak, di Semariang mula digunakan pada bulan Julai, 1989 manakala Cawangan Johor akan digunakan pada Januari 1990.

Projek pembinaan Pusat Islam di kampus Shah Alam berjalan lancar walaupun berlaku sedikit kelewatan.

Projek-projek pembangunan yang masih dalam peringkat perancangan di kampus Shah Alam ialah pembinaan bangunan Kajian Pengurusan Hotel dan Penyediaan Makanan, Kajian Senibina Perancangan dan Ukur, Asrama Enam, Bangunan/Peralatan Kajian Kejuruteraan, Bangunan ROTU, Kompleks Sukan, Dewan Makan Kolej Jati, dan cawangan pula membatik pembinaan kampus ITM Cawangan Terengganu (Fasa IB) dan kemudahan sukannya.

Secara keseluruhannya pembangunan kampus-kampus cawangan ITM berjalan kurang memuaskan akibat kegagalan pihak kontraktor menyiapkan projek masing-masing seperti yang dijadualkan kecuali kampus ITM Cawangan Johor.


Kesannya beberapa perancangan dan pembangunan Institut telah terjejas terutamanya yang membabitkan usaha memenuhi pelunjanan pelajar seperti yang dimatlamatkan oleh Rancangan Malaysia Kelima.



## **PROSPEK DAN RANCANGAN MASA HADAPAN**

Pada masa hadapan khususnya di tahun 1990, ITM akan memberikan tumpuan dan penekanan kepada beberapa perkara seperti berikut:

- a. Mempertingkatkan suasana fizikal untuk kakitangan akademik;
- b. Peningkatan kemudahan alat-alat mengajar di beberapa Kajian tertentu khususnya di bidang Sains dan teknologi;
- c. Memperbaiki kemudahan-kemudahan untuk dewan kuliah dan melengkapkan bilik-bilik kuliah dengan alat pandang dengan;
- d. Memperluaskan penyewaan bangunan di kampus-kampus cawangan untuk dijadikan bilik-bilik kuliah, asrama/kolej kediaman dan sebagainya; dan
- e. Meneruskan usaha penyemakan kurikulum secara berterusan.
- f. Mempertingkatkan pengambilan pelajar selaras dengan kehendak dan keperluan negara.



**DATO' DR. HJ. MOHD MANSOR HJ. SALLEH  
PENGARAH**

**LAPORAN KAJIAN  
PUSAT-PUSAT AKADEMIK  
DAN KAMPUS-KAMPUS CAWANGAN**

# KAJIAN PERAKAUNAN

## PENDAHULUAN

Kajian Perakaunan masih meneruskan usahanya untuk melahirkan para profesional dan separa profesional bumiputra dalam bidang Perakaunan. Keutamaan Khas diberikan untuk mendidik dan melahirkan pelajar supaya mereka berilmu, bertakwa dan beramanah supaya menjadi cendekiawan profesional.

Dalam tahun 1989, The Chartered Institute of Management Accountants telah memberi pengecualian kepada pemegang Diploma Lanjutan Perakaunan daripada semua mata pelajaran Stage I dan Stage II dan mata pelajaran Management Accounting Technique pada Stage III. Mereka hanya perlu menduduki tiga mata pelajaran lain pada Stage III dan empat mata pelajaran pada Stage IV.

Pemegang Diploma Lanjutan Perakaunan juga telah diterima masuk ke Program Ijazah Sarjana Perakaunan dari Universiti Aberdeen, Scotland, United Kingdom. Setakat ini dua universiti lain di United Kingdom telah menerima pelajar-pelajar Diploma Lanjutan Perakaunan terus ke Program Ijazah mereka, iaitu Universiti Sterling dan Dundee, kedua-dua juga dari Scotland, United Kingdom.

## Kursus-Kursus Yang Ditawarkan

- a. Diploma in Accountancy
- b. Advanced Diploma in Accountancy
- c. Chartered Institute of Management Accountants (UK)
- d. Chartered Association of Certified Accountants (UK)
- e. Malaysian Association of Certified Public Accountants (MACPA)

## Pentadbiran Kajian

Pentadbiran Kajian diketuai oleh seorang Ketua. Kakitangan akademik terdiri daripada 13 Pensyarah Kanan, 20 Pensyarah Tingkatan Kanan dan 38 Pensyarah biasa (termasuk pensyarah kontrak). Bilangan kakitangan pentadbiran adalah seramai 24 orang.

## Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Pengambilan pelajar bagi kampus Shah Alam sepanjang tahun 1989 adalah seramai 279 orang dan enrolmen pada akhir tahun ialah 1,490 orang.

## Persidangan/Seminar/Kursus Pendek

Seramai 17 orang kakitangan akademik telah menghadiri persidangan/seminar/kursus pendek di sepanjang tahun. Di samping itu, Kajian juga telah menganjurkan sebuah bengkel iaitu "Bengkel Kaedah Pengajaran" yang diadakan pada 12 - 15 Jun 1989 di Kajian Perakaunan.

## Penyelidikan/Penerbitan/Perundingan/Pembentangan Kertaskerja

Dr. Johari Samidi

"Controlled Enterprises in Malaysia" 1989 Seminar Program-  
Contribution of Capital Budgeting to Ethical Conduct of  
Management of Government - 6 - 8 April 1989.

# KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA

## PENDAHULUAN

Di sepanjang tahun 1989, Kajian Senilukis dan Senireka terus berkembang pesat dari segi pertambahan pengambilan pelajar serta aktiviti-aktiviti akademiknya dengan menganjurkan seminar, bengkel dan lawatan akademik. Beberapa orang pensyarah dan pelajar juga turut mengharumkan nama Kajian dengan mencapai kemenangan-kemenangan dalam beberapa pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Pada tahun ini juga Kajian telah menganjurkan beberapa pameran di beberapa buah tempat di sekitar Shah Alam dan Kuala Lumpur serta di beberapa buah negeri di Malaysia.

## Kursus-Kursus Yang Ditawarkan

- a. Diploma in Art & Design (Graphic Design)
- b. Diploma in Art & Design (Textile Design)
- c. Diploma in Art & Design (Fine Metal)
- d. Diploma in Art & Design (Industrial Design)
- e. Diploma in Art & Design (Pottery & Ceramics)
- f. Diploma in Art & Design (Fashion Design)
- g. Diploma in Art & Design (Fine Art)
- h. Diploma in Photography
- i. Diploma in Music
- j. Art Teachers' Diploma

## Pentadbiran Kajian

Pentadbiran Kajian diketuai oleh seorang Ketua Kajian. Kakitangan akademik terdiri daripada Pensyarah Kanan 22 orang, Pensyarah Tingkatan Kanan 20 orang, Pensyarah biasa seramai 23 orang (termasuk kontrak) dan Penolong Pensyarah seramai 2 orang.

## Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Pengambilan pelajar bagi kampus Shah Alam sepanjang tahun 1989 adalah seramai 366 orang dan enrolmen pada akhir tahun ialah 1,004 orang.

## Penyelidikan/Perundingan/Penerbitan/Pembentangan Kertaskerja

### a) Penyelidikan

1. D'zul Haimi Md. Zain 'Ragam Hias Dan Makna Dalam Manuskrip Melayu Lama'
2. Elias Ahmad 'Cadangan Rekabentuk Tanggam Dari Alat-Alat Sokongan Perabut.'

### b) Perundingan

1. Faridah Mohd. Yusof, Kamaruddin Kamsah dan Siti Zaleha Saad 'Projek Whiteware Product Development', ITM/ Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian (SIRIM) 1988 - 1990.

2. Kamaruddin Kamsah 'Kumpulan Pakar Dalam First Experts Group Meeting Bagi Non-Metalic Minerals-Ceramics', Majlis Penyelarasan dan Pemindahan Teknologi Perindustrian Kementerian Sains Teknologi & Alam Sekitar.'
  3. Hj. Zakaria Awang 'Projek Cat Air', Yeo Hiap Seng, Mac 1989.'  
  
'Projek Cenderamata Sempena Lawatan D. Y. M. M. Sultan Selangor Darul Ehsan'.
  4. Zaiton A. Jalaludin 'Projek Pelan Pembangunan Perindustrian Tekstil & Pakaian', ISIS & Kementerian Sains Teknologi & Alam Sekitar, 1988 - 1990'.
  5. Mohamed Ali Abdul Rahman 'Sejarah Perkembangan Seni Di Negeri Selangor', Penyelidikan Muzium Negeri Selangor Darul Ehsan, Shah Alam, Mac 1989.
- c) Penerbitan/(Buku)**
- D'zul Haimi Md. Zain 'Formal Values in Timurid Miniature Painting, Kuala Lumpur: Fargoes Publication 1989'.
- d) Pembentangan Kertaskerja**
1. Dr. Abdul Shukor Hashim 'Computer & Art Education In Malaysian Schools', Simposium Kebangsaan Dalam Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, November 1989.  
  
'Falsafah Pendidikan Tinggi dan Isu-Isu Mengenalinya', PSPP ITM, Shah Alam, 27 Disember 1989.
  2. D'zul Haimi Md. Zain 'Ciri-Ciri Islam Seni Kontemporari', Seminar Kebangsaan Seni Kontemporari, Balai Senilukis Negara, Kuala Lumpur, 1989.
  3. Fauzan Hj. Omar 'Roles of Modern Artists In The Society,'SPAFA's (South East Asia) (Project of Archeology & Fine Arts) Conference, SPAFA, Jakarta, 18-30 Jun 1989.
  4. Ham Rabeah Kamarun 'Perkembangan Seni Seramik Di Malaysia', Institut Teknologi Bandung dan Goethe Institute, Bandung, Indonesia, 24 - 28 Oktober 1989.

5. Kamarudzaman Md. Isa 'Computer And The Art Education In Malaysian School - An Overview,' Simposium Kebangsaan Komputer Dalam Pendidikan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 18 November 1989.
  6. Kamaruddin Kamsah 'Design In Ceramics,' Seminar Kebangsaan Pertama Seramik 89, Universiti Sains Malaysia, Ipoh, 22 - 23 Februari 1989.
  7. Dr. Mohd. Tamyez Hj. Bajuri 'Seni & Masyarakat', Seminar Seni & Perniagaan, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 6 - 7 Mac 1989.  
  
'Transfer & Industrial Design', The Australian Inst. of Art Education Conference, S.E. A. and Pacific Region of The Inst. Society for Education Darwin, Australia, 2 - 7 Julai 1989.
  8. Hj. Zakaria Awang 'A State of Sculpture In Malaysia and A Search for Identity', SPAFA Conference, SPAFA, Jakarta, Indonesia, 18 - 30 Jun 1989.
  9. Zaiton A. Jalaludin 'Penubuhan Pusat Tekstil dan Pakaian', Mesyuarat Pasukan Petugas Industri Tekstil, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, Kuala Lumpur, 1987 - 1989.
- e) Penulisan (Majalah/Jurnal)**
1. D'zul Haimi Md. Zain 'Sri Tari - Yusof Abdul Ghani', Dewan Budaya, Jilid II, Bil. 6 (Mei, 1989), 54 - 55.  
  
'Ciri-Ciri Islam Dalam Senilukis Sezaman', Dewan Budaya, Jilid II, Bil. 3 (Mac 1989), 49 - 51.  
  
'Estetik Melayu Dalam Seni Tanjak - Satu Persoalan', Dewan Budaya, Jilid II, Bil. II, (Nov. 1989), 49 - 51.
  2. Hj. Zakaria Awang 'Laman ASEAN - Simposium Arca ASEAN Kelima', Dewan Budaya, Jilid II, Bil. 7 (Julai 1989), 53.
  3. Muliyadi Mahamood 'Picasso Sebagai Kartunis', Dewan Budaya Jil. II, Bil. 5 (Mei 1989), 62 - 63.  
  
'Burung Batik : Karya Indah Dengan Falsafah Tersendiri', Nona Bil. 31 (Julai 1989), 74 - 86.  
  
'Galeri Seni ITM Sumber Rujukan', Mastika Bil. 8 (Ogos 1989), 27 - 29.  
  
'Kartun Sebagai Senjata Budaya', Dewan Budaya, Bil. 8 (Ogos 1989), 53 - 55.

'Nilai-Nilai Formal Dalam Catan Miniatur Parsi',  
Dewan Budaya, Jil. II Bil. 10 (Ogos 1989), 59.

'Yusof Ghani : Lukisan Persoalan Kemanusiaan Dalam  
Sri Tari', Mastika, Bil. 7 (Julai 1989,) 27-29.

'Bentuk dan Isi Epal Kamaruddin Mansor', Mastika,  
Jil. II Bil. 12 (Dis. 1989), 27 - 29.

'Tema Tempat dan Universal', Dewan Budaya Jil. II  
Bil. 12 (Dis. 1989), 49 - 51.

# KAJIAN PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG

## PENDAHULUAN

Kajian Pentadbiran dan Undang-Undang telah ditubuhkan pada tahun 1967. Matlamat utama penubuhan Kajian ini adalah untuk melatih, mendidik dan melahirkan cendekiawan bumiputera yang profesional dalam bidang undang-undang guaman, pentadbiran dan Setiausaha Syarikat.

Tahun 1989 adalah tahun yang agak aktif bagi Kajian menjalankan aktiviti. Banyak 'Seminar-Seminar Dalam' telah dijalankan sama ada untuk faedah para kakitangan akademik mahupun para pelajar bagi tujuan meningkatkan keberkesanan pembelajaran dan pembelajaran pengajaran. Di samping itu Kajian tidak ketinggalan juga menjalankan perhubungan erat dengan institusi luar. Ada di antara pensyarah ini dijemput sebagai 'visiting lecturer' bagi tujuan pertukaran pendapat dan pengetahuan. Kajian juga telah didatangi/dilawati oleh tetamu-tetamu luar.

Hasil dari berbagai aktiviti yang diadakan, Kajian telah mendapat banyak pengetahuan dan pengalaman serta dapat memperkemaskinikan kurikulum kursus yang sedia ada. Di samping itu juga, ada pensyarah-pensyarah Kajian telah diundang memberi ceramah dan syarahan kepada badan-badan kerajaan mahupun swasta. Ini adalah satu penghormatan masyarakat luar kepada tenaga pensyarah ini khususnya dan Institut Teknologi MARA amnya.

Pihak Kajian (khususnya DPA), pensyarah-pensyarah sedang merancang untuk mengadakan satu kursus lanjutan yang akan dikenali sebagai Diploma Lanjutan Publik Koporat Awam (DLPKA). Kursus ini dijangka akan dimulakan pada pengambilan Julai 1991.

Dengan usaha gigih Dekan, sebuah lagi kelas ADIL dapat diadakan pada pengambilan kedua semester Januari - Jun 1990. Ini merupakan satu pencapaian terbaik Kajian.

Oleh yang demikian mulai bulan Januari 1990 ini, Kajian akan memulakan pengambilan kedua Kursus ADIL menjadikan pengambilan dua kali setahun seperti kursus-kursus DIL dan DPA.

## Kursus-Kursus Yang Ditawarkan

- a. Diploma in Public Administration
- b. Diploma in Law
- c. Advanced Diploma in Law
- d. Institute of Chartered Secretaries and Administrators (UK)

## Pentadbiran Kajian

Pentadbiran kajian diketuai oleh seorang Ketua Kajian. Kakitangan akademik terdiri daripada Pensyarah Kanan 13 orang, Pensyarah Tingkatan Kanan 19 orang dan Pensyarah biasa seramai 22 orang (termasuk kontrak).



### **Pengambilan dan Enrolmen Pelajar**

Pengambilan pelajar bagi Kampus Shah Alam sepanjang tahun 1989 adalah seramai 297 orang dan enrolmen pada akhir tahun ialah 814 orang.

### **Persidangan/Seminar/Kursus Pendek**

Seramai 25 orang kakitangan akademik telah menghadiri persidangan/seminar dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh pelbagai agensi di dalam negeri sepanjang tahun 1989.

### **Penyelidikan/Perundingan/Penerbitan/Pembentangan Kertaskerja**

#### **a) Pembentangan Kertaskerja**

Khalid b. Yusoff	“Administrative Problems and Management of Legal Cooperation Between Universities” 5th ALA General Assembly Bali, Indonesia, 5 -12 Okt. 1989.
Munis Paran	“Teaching of Social Science in Malaysia” Conference on American Studies at American Studies Centre, Hyderabad, India, 12-22 Okt. 1989.
Lim Heng Gee dan Rohazarwati bt Zuallcobley	“Regional Workshop On Intellectual Property Teaching” Sydney, Australia, 17 - 21 Jul. 1989.
Shad Salim Faruqui	“Separation of Power” London, School of Oriental and African Studies”, United Kingdom, 13 Jan. 1989.

# KAJIAN SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR

## PENDAHULUAN

Dalam tahun 1989, Kajian telah berkembang dari segi pertambahan pengambilan pelajar bagi Kursus Sijil Perancangan Bandar & Wilayah dan Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah yang dibuat dua (2) kali setahun sepertimana kursus-kursus peringkat diploma yang lain. Ini juga menyebabkan pertambahan bilangan pensyarah di Kajian.

Dalam usaha perhubungan dan kerjasama dengan pihak luar, Kajian khususnya dan ITM amnya berjaya mengadakan satu program usahasama dengan Badan Pendidikan Latihan Keuangan (BPLK), Kementerian Keuangan Indonesia untuk menubuhkan kursus Diploma Pengurusan Hartanah di Malang, Indonesia. Program ini telah disarankan sejak dari tahun 1988 lagi dan hanya pada tahun 1989 barulah termeterai perjanjian antara kedua-dua pihak.

Tenaga pengajar KSPU akan digabungkan bersama dengan tenaga pengajar Indonesia dalam menjayakan program ini. Sebagai usaha awal, tiga (3) orang pensyarah Jabatan Pengurusan Hartanah telah dihantar untuk berkhidmat di Indonesia mulai Januari, 1990. Program ini sejajar dengan hasrat ITM untuk memperkembangkan dan memajukan kursus-kursus anjuran ITM ke luar negeri.

## Kursus-Kursus Yang Ditawarkan

- a. Certificate in Town And Regional Planning
- b. Diploma in Town And Regional Planning
- c. Diploma in Architecture
- d. Diploma in Quantity Surveying
- e. Diploma in Estate Management
- f. Diploma in Building
- g. Diploma in Interior Design
- h. Diploma in Landscape Design
- i. Advanced Diploma in Town And Regional Planning
- j. Advanced Diploma in Architecture
- k. Advanced Diploma in Quantity Surveying
- l. Advanced Diploma in Estate Management
- m. Advanced Diploma in Building

## Pentadbiran Kajian

Pentadbiran kajian diketuai oleh seorang Ketua Kajian dan dibantu oleh seorang Timbalan Ketua Kajian. Kakitangan akademik terdiri daripada Pensyarah Utama 2 orang, Pensyarah Kanan 17 orang, Pensyarah Tingkatan Kanan 42 orang dan Pensyarah biasa seramai 60 orang.

## Pengambilan dan Enrolmen Pelajar

Pengambilan pelajar bagi kampus Shah Alam sepanjang tahun 1989 adalah seramai 115 orang dan enrolmen pada akhir tahun ialah 1,082 orang.

## **Persidangan/Seminar/Kursus Pendek**

Seramai 45 orang kakitangan akademik telah menghadiri persidangan/seminar dan kursus-kursus yang dianjurkan oleh pelbagai agensi di dalam dan luar negeri sepanjang tahun 1989.

## **Penyelidikan/Perundingan/Penerbitan/Pembentangan Kertaskerja**

### **a) Penyelidikan**

1. Wan Fatimah Othman, Ahmad Faris Hj. Omar, Ahmad Noorzali Ali Ahmad, Quek Jin Keat dan, Safaria Hassan 'International Construction Financing In Malaysia.'
2. Mohd. Yusoff Izzudin Mohd. Ali 'Pencapaian Industri Pembinaan Dalam Dasar Ekonomi Baru (DEB), Sepanjang Tahun 1989'.

### **b) Perundingan**

1. Ibrahim Katop 'Kajian Lalulintas Majlis Daerah Segamat Utara'.  
  
'Pelan Perancangan Pembangunan Kawasan Bukit Tinggi, Janda Baik, Bentung, Pahang Darul Makmur.'
2. Kamariyah Kamsah 'Taman Rekreasi Hutan Empangan Sungai Air Kuning Dan Sungai Baru Bukit Cerakah.'

### **c) Penerbitan/Penulisan**

1. Syed Sobri Barakbah 'Abstract Representation and Architecture Future', Journal of Urban Design Vol. 1' No. 2 (April 1989), 75 - 78.  
  
'New School', Journal of Urban Design Vol. 1 No. 2, (April 1989), 85 - 90.
2. Syed Sobri Barakbah dan Penuntut Diploma Lanjutan Senibina 'Projek Rekabentuk Bandar Lumut Sebagai Pusat Pelancungan', Journal of Urban Design, Vol. 1 No. 2 (April 1989) 1 - 29.
3. Abdul Hamid Aziz dan Baharom Ujang 'Cultural Discontinuity in Architecture, Journal of Urban Design, Vol. 1 No. 2 (April 1989), 67 -70.
4. Ibrahim Katop 'Planning and Public Interest', Journal of Urban Design, Vol. 1, No. 2 (April 1989) 71 - 74.
5. Mohd. Mokhtar Abdul Rahman 'Senibina Rumah Kediaman Di Bangkok : Perkembangannya Dalam Dua Abad', Journal of Urban Design. Vol. 1 No. 2 (April 1989) 78 - 84.  
  
'Senibina Rumah Kediaman Di Bangkok : Perkembangannya Dalam Dua Abad', Jurnal Akademik, Jil. 1 Bil. 1 (Jun 1989), 1-8.

